

**TRADISI DAN PERUBAHAN DALAM
KOMUNITI MUARA DI KAMPUNG PULAU
SEKATI, KUALA TERENGGANU**

SITI FAIRUZ MOHD YUSOF

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2017

**TRADISI DAN PERUBAHAN DALAM KOMUNITI MUARA DI KAMPUNG
PULAU SEKATI, KUALA TERENGGANU**

SITI FAIRUZ MOHD YUSOF

**Tesis Ini dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat untuk Memperoleh Ijazah
Sarjana Sains Di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial Dan Ekonomi Universiti
Malaysia Terengganu**

September 2016

Abstrak yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains.

**TRADISI DAN PERUBAHAN
DALAM KOMUNITI MUARA DI KAMPUNG PULAU SEKATI,
KUALA TERENGGANU**

SITI FAIRUZ BINTI MOHD YUSOF

September 2016

Penyelia Utama : Nor Hayati Sa'at, Ph.D

Penyelia Bersama : Profesor Ibrahim Mamat, Ph.D

Pusat Pengajian : Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Komuniti yang bermastautin di muara sungai dikategorikan sebagai komuniti pinggir bandar yang kurang membangun dan ketinggalan dari arus perdana pembangunan. Senario ini terdapat di negeri Terengganu, khususnya di Pulau Sekati, tetapi tiada penjelasan mendalam mengenainya. Komuniti muara adalah sekumpulan manusia yang mendiami kawasan muara sungai serta menjalankan aktiviti nelayan tradisional sebagai sumber ekonomi. Kampung Pulau Sekati terletak di kawasan bandar Kuala Terengganu. Bagi meneliti dengan lebih mendalam permasalahan mengenai komuniti muara di kampung tersebut, tesis ini mempunyai empat objektif. Pertama, mengenal pasti sejarah dan profil demografi komuniti muara yang tinggal di Kampung Pulau Sekati. Kedua, mengenal pasti perubahan corak sosioekonomi komuniti muara Kampung Pulau Sekati, sama ada perubahan tersebut bersifat homogen atau *heterogenous*. Ketiga, ia menganalisis perubahan sosiobudaya komuniti muara di Kampung Pulau Sekati sama ada masih bersifat tradisional atau sudah mengalami perubahan. Keempat, ia menganalisis faktor dalaman dan faktor luaran yang menjadi penyumbang atau penghalang perubahan pembangunan

komuniti muara di Kampung Pulau Sekati. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah yang digunakan adalah semi etnografi menggunakan borang soal selidik semistruktur. Kajian ini mendapati bahawa majoriti informan merupakan generasi ketiga dan tinggal menumpang di tanah kepunyaan orang lain di Kampung Pulau Sekati. Selain itu, dari aspek sosioekonomi antara generasi, kajian ini mendapati bahawa komuniti muara di kampung ini telah mengalami perubahan iaitu informan dan anak-anak mereka tidak mewarisi pekerjaan yang bersifat homogen dari datuk serta bapa mereka. Bagi aspek sosioekonomi segenerasi pula, didapati majoriti informan telah beralih kepada pekerjaan yang bersifat rencam di darat kerana mereka ingin memperolehi jumlah pendapatan yang tinggi dan tetap. Dalam aspek sosiobudaya, khususnya dalam konteks pendidikan, terdapat peningkatan mobiliti sosial yang positif. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa tiga faktor dalaman iaitu faktor isi hati informan, keluarga dan ahli komuniti muara merupakan faktor penyumbang penting kepada perubahan pembangunan komuniti muara di Kampung Pulau Sekati. Manakala, faktor luaran paling utama yang menjadi penghalang perubahan pembangunan di Kampung Pulau Sekati adalah faktor pemilik tanah. Justeru itu, diharap hasil kajian ini dapat membekalkan maklumat kepada pihak kerajaan bagi membentuk pelan perancangan pembangunan di peringkat lokal. Malahan, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada korpus ilmiah dalam bidang pembangunan komuniti muara.